


**Bersaing
cipta
kendaraan
mesra alam**



»1,000 pelajar 18 negara sahut cabaran Shell Eco-Marathon Asia

Oleh Haika Khazi

mfaizul@bharian.com.my

LEBIH 1,000 pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta mewakili 119 pasukan dari 18 negara menyahut cabaran Shell Eco-Marathon Asia bagi mencipta kenderaan mesra alam yang mampu menjimatkan penggunaan bahan api.

Program tiga hari anjuran Kumpulan Shell di Litar Antarabangsa Sepang (SIC) itu lain disertai beberapa negara Asia seperti China, Taiwan, Thailand, Indonesia, Iran, Filipina, Jepun dan Malaysia.

Malaysia menjadi negara paling banyak menghantar penyertaan tahun ini dengan 28 pasukan menyertai dua kategori perlumbaan iaitu Prototaip dan Konsep Urban.

Sementara itu, lima negara yang kali pertama menyertai program itu adalah Hong Kong, Qatar, Korea Selatan dan Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Majlis pelepasan peserta program disempurnakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Ketua Eksekutif Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Datuk Seri Idris Jala, di SIC, Sepang.

Wakil pasukan Universiti Putra Malaysia (UPM), Green Blitz, Abdulrahman Yousif Abdalla, berkata pasukan itu menggunakan barangan kitar semula seperti besi buruk dan tin minuman aluminium selain serpihan kaca terbuang bagi membina kenderaan yang dipertandingkan.

"Bagi bahan api pula, kita gunakan minyak masak terpakai sebagai biodiesel untuk menggerakkan prototaip kereta yang terhasil dengan membabitkan kos keseluruhannya RM7,000 di biayai UPM.

"Istimewanya, kereta yang kami cipta ini mampu bergerak sejauh 200 kilometer atas permukaan jalan rata dengan menggunakan hanya seliter bahan ba-

kar biodiesel," katanya.

Kajian dua bulan

Abdulrahmah berkata, beliau dan tujuh rakannya mengambil masa selama kira-kira dua bulan untuk melakukan kajian dan menyiapkan prototaip kereta mesra alam itu.

Terdahulu, Ketua Pegawai Keuangan Royal Dutch Shell Plc, Simon Henry, berkata program itu antara lain bertujuan mencabar pelajar universiti di Asia mencipta kenderaan mesra alam yang mampu menjimatkan penggunaan bahan api.

"Malah, kami di Shell sentiasa mementingkan penggunaan teknologi dan inovasi bagi mencari kaedah terbaik menghasilkan bahan bakar yang bersih daripada pencemaran serta mampu menggerakkan kenderaan lebih jauh.

"Kajian seumpama ini perlu kerana penggunaan sumber tenaga dunia meningkat saban hari. Justeru, sekiranya ia tidak digunakan dengan berhemah, masyarakat dunia pasti kehabisan sumber tenaga suatu hari nanti," katanya.

FAKTA NOMBOR

119

 pasukan

menyahut cabaran Shell Eco-Marathon Asia

18

 negara

sertai Shell Eco-Marathon Asia

28


 pasukan

dari IPTA dan IPTS Malaysia



Peserta dari UPM yang menyertai **Shell Eco-Marathon Asia 2012** di Sepang International Circuit.

AHMAD IRHAM MOHD NOOR.



Idris (dua dari kanan) melepaskan pertandingan **Shell Eco-Marathon Asia 2012**.

“
Kami di Shell
sentiasa
mementingkan
penggunaan
teknologi dan
inovasi bagi
mencari kaedah
terbaik
menghasilkan
bahan bakar yang
bersih daripada
pencemaran serta
mampu
menggerakkan
kenderaan lebih
jauh”

Simon Henry,
Ketua Pegawai
Kewangan Royal Dutch
Shell Plc